

SURAH KELUARGA 'IMRAN



Surah: 3 Juzuk: 3/4 Bil. Ayat: 200

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.

1. Alif, Laam, Miim.
2. Allah tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan seluruh makhluk.
3. Dia menurunkan al-Quran kepadamu dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dia juga menurunkan Taurat dan Injil.
4. Sebelum (al-Quran diturunkan), menjadi hidayah bagi manusia. Dan Dia juga yang menurunkan al-Furqaan⁽¹⁾. Sesungguhnya orang yang kufur terhadap ayat-ayat Allah itu, bagi mereka azab yang amat berat. Dan Allah Maha Perkasa, lagi membalaas perbuatan mereka.
5. Sesungguhnya bagi Allah tidak ada satu pun yang tersembunyi di bumi dan juga di langit.
6. Dialah yang membentuk kamu dalam rahim sebagaimana yang Dia kehendaki. Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الآمِنِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْقَيُّومُ

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التُّورَةَ وَالْإِنْجِيلَ

ۚ

مِنْ قَبْلُ هُدَىٰ لِلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ[ۖ]
إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ أَهْمَرَ عَذَابَ
شَدِيدٍ وَاللَّهُ عَزِيزٌ دُوَّا تِقَاءِمَ

ۚ

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفِي عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاءِ

ۚ

هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُ كُلُّ فِي الْأَرْضِ كَيْفَ يَشَاءُ
لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

ۚ

1 Al-Quran yang membezakan antara yang benar dengan yang salah.

7. Dialah yang menurunkan kepadamu al-Quran. Sebahagian daripada al-Quran itu ialah ayat-ayat «muhkamaat»⁽¹⁾. Ayat-ayat muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran dan yang lain ialah ayat-ayat «mutasyaabhaat»⁽²⁾. Adapun orang yang di dalam hati mereka cenderung ke arah kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang mutasyaabhaat untuk menimbulkan fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya melainkan Allah. Dan orang yang mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: «Kami beriman kepadaNya, semua itu datangnya dari sisi Tuhan kami» Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang yang berakal.
8. (Mereka berdoa): «Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami setelah Engkau beri hidayah kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisiMu. Sesungguhnya Engkau Maha Pemberi.

1 Ertinya ayat-ayat yang tetap, terang dan jelas maksudnya.

2 Ayat-ayat yang kurang jelas maksudnya atau mengandungi beberapa pengertian dan tidak dapat ditentukan pengertian mana yang dimaksudkan kecuali setelah diselidik secara mendalam.

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ إِنْتَ شُحْكَمْتُ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ مُسْتَشْهَدُتُ فَمَآمَا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَعْيٌ فِي يَوْمٍ مَا نَشَبَهَهُ مِنْهُ أَنْتَعْلَمُ لِفَتْنَةَ وَأَنْبَغَاهُ تَأْوِيلَهُ وَمَا يَعْلَمُنَا بِإِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُونَ فِي الْعُلُومِ يَقُولُونَ إِنَّمَا أَنْتَ بِهِ كُلُّ مَنْ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَدْرِكُ الْأَوْلُو الْأَلْبَابُ ٧

رَبَّنَا الْأَتْرُعُ فَلَوْبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبَ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ ٨

‘Imran

3. Surah Keluarga ‘Imran

9. «Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpunkan semua manusia, untuk hari yang tidak ada keraguan padanya». Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji.
10. Sesungguhnya harta benda orang kafir dan juga anak-anak mereka tidak sama sekali akan menyelamatkan mereka daripada (azab) Allah sedikit pun. Dan mereka itulah bahan bakar api neraka.
11. (Keadaan mereka) sama seperti keadaan kaum Firaun dan orang yang sebelum mereka. Mereka mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Allah menyeksa mereka disebabkan dosa-dosa mereka. Dan Allah sangat dahsyat seksaanNya.
12. Katakanlah kepada orang kafir: «Kamu akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihimpunkan ke dalam neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat yang disediakan».
13. Sesungguhnya telah ada tanda bagi kamu pada dua golongan yang telah bertemu (bertempur)⁽¹⁾. Segolongan yang berperang di jalan Allah dan (segolongan) yang

رَبَّنَا إِنَّكَ جَاعِلُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ
إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ أَمْيَادَهُ ﴿٤﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا نَلَقُتُهُمْ
أَمْوَالُهُمْ وَلَا أَوْلَادُهُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا
وَأَوْلَئِكَ هُوَ وَقْدُ الْسَّارِ ﴿٥﴾

كَدَّأِبَ الْفَرَّوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ
قَاتِلِهِمْ كَذَبُوا يَا إِنَّنَا فَآخِذُهُمُ اللَّهُ
يَنْذُرُهُمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٦﴾

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَمُّعُوبَرَ
وَنَحْشُرُونَ إِلَى جَهَنَّمَ وَبِسْ أَمْهَادَ ﴿٧﴾

فَذَكَرَ لِكُفَّارِهِ فِي وَعْتَنِ التَّقَتَّ
فَعَةٌ تُقْتَلُ فِي سَيِّلِ اللَّهِ وَلَخَرَى

1 Pertemuan antara kaum muslimin dan kaum musyrikin yang berlaku dalam Perang Badar. Badar adalah nama tempat yang terletak di selatan Madinah dan di situ terdapat mata air.

lain kafir, yang melihat dengan mata kepala mereka (seakan-akan) orang Islam dua kali ganda jumlah mereka. Allah menguatkan dengan bantuanNya sesiapa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya yang demikian itu terdapat pengajaran bagi orang yang berfikir.

- 14.** Dihiaskan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu perempuan-perempuan, anak-anak, harta benda yang bertimbun-timbun daripada emas dan perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternakan dan kebun-kebun tanaman. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah ada tempat kembali yang terbaik (syurga).

- 15.** Katakanlah: «Mahukah aku beritahu kepada kamu apa yang lebih baik daripada semua itu? Untuk orang yang bertaqwa (kepada Allah) di sisi Tuhan mereka ada syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Dan (mereka disediakan) isteri-isteri yang suci, serta keredaan daripada Allah» dan Allah Maha Melihat akan hamba-hambaNya.

- 16.** (Iaitu) orang yang berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah beriman, maka ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami daripada azab neraka».

كَافِرَةٌ يَرَوْنَهُمْ مُّتَلِّهِمْ رَايَ الْعَيْنِ
وَاللَّهُ يُوَحِّدُ بَصَرَهُمْ مَنْ يَشَاءُ إِنَّهُ فِي
ذَلِكَ لِعْبَةٌ لَا يُؤْلِفُ الْأَبْصَرِ ﴿١٣﴾

رِّينَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ
وَالْبَنِينَ وَالْقَنْطَرَى الْمُقْنَطَرَةِ مِنَ الْذَّهَبِ
وَالْفَضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ
وَالْحَرْثُ ذَلِكَ مَتَّعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ
عِنْهُ دُوْلَهُ وَمُحْسِنُ الْمَقَابِ ﴿١٤﴾

* قُلْ أَئُنَيْ كُمْ يَحْمِرُ مِنْ ذَلِكُمْ
لِلَّذِينَ أَتَقْوَى عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّتٌ بَجِيٌّ مِنْ
تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَلَدَتِ فِيهَا وَأَرْجَعَ
مُطَهَّرَةً وَرَضِوانٌ مِنْ اللَّهِ
وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿١٥﴾

الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنْسَانٌ أَمْ نَّا فَأَغْفِرْ
لَنَا ذُنُوبَنَا وَقَاتِلَادَابَ الْمَارِ ﴿١٦﴾

- 17.** (Iaitu) orang yang sabar dan yang benar, yang sentiasa taat dan orang yang menginfakkan hartanya (pada jalan Allah) dan orang yang memohon ampun pada waktu sahur.
- 18.** Allah menerangkan bahawasanya tiada Tuhan melainkan Dia, Yang menegakkan keadilan, para malaikat serta orang yang berilmu (juga menyatakan yang sedemikian). Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
- 19.** Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Tiada berselisih orang yang telah diberikan al-Kitab kecuali setelah datang pengetahuan kepada mereka kerana sifat lengki di antara mereka. Sesiapa yang kufur terhadap ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah sangat cepat perhitungannya.
- 20.** Kemudian jika mereka berdebat denganmu, maka katakanlah: «Aku telah berserah diri kepada Allah dan demikian juga orang yang mengikutku». Dan tanyalah kepada orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab dan orang yang «ummi»⁽¹⁾: «Sudahkah kamu mematuhi dan memeluk (agama Islam)?»

الصَّابِرِينَ وَالصَّابِدِينَ وَالْقَنِيْتِينَ وَالْمُنْفِقِينَ
وَالْمُسْتَعْفِفِينَ بِالْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

شَهَدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمُ قَاتِلًا
بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ
الْكَبِيرُ ﴿١٨﴾

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلِإِسْلَمُ وَمَا أَخْتَلَّ
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَبَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ
مَاجَاهَهُمُ الْعَلَمُ بَعْدَ يَبْنَهُمْ وَمَنْ يَكُنْ
يَعَانِيَتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

فَإِنْ حَاجُوكَ فَقُلْ أَسَمَّتُ وَجْهِيَ لِلَّهِ
وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَقُلْ لِلَّهِ يَعْلَمُ أُوتُوا الْكِتَبَ
وَالْأَمْرُ مِنْهُمْ فَإِنْ أَسَمَّتُمْ فَإِنَّ أَسَامِيْمُ أَفَقَدْ
أَهْتَوْأَ وَإِنْ تَوْلُوا فَإِنَّمَا عَلَيْكُمُ الْبَلَغُ
وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعَبَادِ ﴿٢٠﴾

¹ Orang yang tidak tahu membaca dan menulis. Manakala menurut sebahagian ahli tafsir ummi ialah orang musyrik Arab yang tidak tahu membaca dan menulis. Menurut sebahagian yang lain ialah orang yang tidak diberi al-Kitab.

Kemudian jika mereka memeluk Islam, maka sebenarnya mereka telah mendapat hidayah dan jika mereka berpaling, maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah). Dan Allah sentiasa Melihat seluruh hambaNya.

21. Sesungguhnya orang yang kufur terhadap ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil maka sampaikanlah kepada mereka berita gembira iaitu seksaan yang pedih.
22. Mereka itulah orang yang telah rosak amal perbuatannya di dunia dan di akhirat dan tiada sesiapa pun yang akan memberi pertolongan kepada mereka.
23. Tidakkah engkau memperhatikan terhadap orang (Yahudi) yang telah diberikan sebahagian daripada Kitab Taurat, mereka diseru kepada Kitab Allah supaya Kitab itu menetapkan hukum di antara mereka, kemudian sebahagian daripada mereka berpaling, dan mereka menolak kebenaran.
24. Demikian itu adalah disebabkan mereka mendakwa: «Kami tidak sama sekali akan disentuh oleh api neraka melainkan beberapa

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِيَقِيْدَتِ اللَّهِ
وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ
الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ مِنَ النَّاسِ
فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٦١﴾

أُولَئِكَ الَّذِينَ حَرَّكْتَ لَعْنَاهُمْ فِي الدُّنْيَا
وَالآخِرَةِ وَمَا الْهُمْ بِنَصِيرٍ ﴿٦٢﴾

أَنْتَ إِلَى الَّذِينَ أَوْلَوْنَ حِسَابًا مِنَ الْكِتَابِ
يُعْلَمُونَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمْ بَيْنَهُمْ فَرِسْتَوْنَ
فَوَيْقَنُ مِنْهُمْ وَهُمْ مُعْرِضُونَ ﴿٦٣﴾

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَاتَلُوا إِنْ تَمَسَّكُ النَّاسُ إِلَّا
أَيَّا لَمَّا مَعَهُ دَوَادِنٌ وَغَرَّهُمْ فِي دِينِهِمْ
مَآكِلَأُولَئِكَرُونَ ﴿٦٤﴾

hari yang dapat dihitung». Mereka telah diperdayakan dalam agama mereka oleh apa yang mereka ada-adakan.

25. Maka bagaimana (keadaan mereka) ketika Kami himpukkan mereka pada hari (kiamat), yang tiada keraguan padanya dan disempurnakan kepada setiap seorang, balasan apa yang dia telah lakukan, sedang mereka masing-masing tidak akan dizalimi.
26. Katakanlah: «Wahai Tuhan Yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah sahaja adanya kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa ke atas setiap sesuatu.
27. «Engkau memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang dan Engkau memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam. Engkau keluarkan yang hidup daripada yang mati dan Engkau keluarkan yang mati daripada yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa sebarang perhitungan».

فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْتُهُمْ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ
وَوُقِيتَ كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُنَّ
لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٥﴾

قُلْ اللَّهُمَّ مَلِكَ الْمُلَكَ تُؤْتِي الْمُلَكَ مَنْ
تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مَمَّا تَشَاءُ وَتُعِزُّ
مَنْ تَشَاءُ وَتُذَلِّلُ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْكَارِ الْحَمْدِ
إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَرِيرٌ ﴿١٦﴾

تُولِّجُ أَيْلَلَ فِي الْهَمَارِ وَتُولِّجُ التَّهَارِ فِي الْأَيْلَلِ
وَتُخْبِجُ الْجَنَّى مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْبِجُ الْمَيِّتَ مِنَ
الْأَجْنَى وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٧﴾

- 28.** Janganlah orang yang beriman mengambil orang kafir menjadi wali⁽¹⁾ dengan meninggalkan orang yang beriman. Barangsiapa melakukan demikian maka tiada baginya sesuatupun daripada pertolongan Allah, kecuali kerana kamu hendak memelihara diri daripada mereka, sesuatu yang ditakuti. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (seksa) Nya. Dan hanya kepada Allah tempat kembali.
- 29.** Katakanlah: «Jika kamu sembunyikan apa yang ada di dalam dada kamu atau kamu melahirkannya, Allah pasti mengetahuinya. Dia mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.
- 30.** Hari (yang padanya) setiap seorang akan mendapati apa sahaja kebaikan yang telah dilakukannya, dihadapkan (kepadanya) juga apa sahaja kejahanatan yang telah dilakukannya. Ketika itu (orang yang bersalah) berharap agar ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalan jahatnya itu. Dan Allah mengingatkan kamu terhadap kekuasaan diriNya. Dan Allah Maha Belas Kasihan kepada hamba-hambaNya.

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ أَكْفَارِينَ أَوْ لِيَأْمُرَ مِنْ دُونِ
الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَإِنَّهُ مِنَ الظَّالِمِينَ
شَيْءٌ إِلَّا أَنْ تَشَوُّفُ أَنْتُمْ تُقْنَةٌ وَيُحَذَّرُ كُمُّ
الْأَنْفُسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمُحْصِرُ ﴿١٦﴾

قُلْ إِنْ تُخْفُوا مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ بُدُّوهُ
يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي آسَمَوَاتٍ وَمَا فِي
الْأَرْضِ وَلَهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قُرْبَةٌ ﴿١٧﴾

يَوْمَ يَحْدُثُ كُلُّ نَفْسٍ مَا عَمِلَتْ مِنْ حَيْثُ
مُحْضَرًا وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تُوَدُّ لَوْ أَنْ يَدْنُهَا
وَبَيْنَهُ وَأَمْدًا بَعِيدًا وَيُحَذَّرُ كُلُّ أَنْفُسٍ وَ
وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿١٨﴾

1 Auliya' adalah kata jamak dari kosakata 'wali' yang bererti pemimpin, teman karib, pelindung atau penolong.

- 31.** Katakanlah: «Jika benar kamu menyayangi Allah maka ikutilah aku, pasti Allah menyayangi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.
- 32.** Katakanlah: «Taatlah kepada Allah dan RasulNya. Maka jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang kafir.
- 33.** Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, keluarga Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi seluruh umat (pada zaman mereka).
- 34.** (Mereka berkembang sebagai) satu keturunan yang sebahagiannya berasal daripada sebahagian yang lain. Dan Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
- 35.** Ketika isteri Imran berkata: «Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadaMu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (daripada segala urusan dunia), maka terimalah nazarku. Sesungguhnya Engkaulah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui».
- 36.** Maka apabila dia melahirkan anaknya, dia pun berkata: «Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah melahirkan seorang

قُلْ إِنَّكُمْ تُحْبِبُونَ اللَّهَ فَلَا تَشْعُرُونَ
يُحِبُّكُمُ اللَّهُ وَيَعْفُرُ لَكُمْ دُنْوِيَّكُمْ
وَاللَّهُ عَفْوُرٌ رَّحِيمٌ ﴿٢١﴾

قُلْ أَطِيعُ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ
لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ ﴿٢٢﴾

*إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَى إِدَمَ وَوُحَادَةَ آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَآلَ عُمَرَنَ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٢٣﴾

ذُرِّيَّةٌ بَعْضُهَا مِنْ بَعْضٍ وَاللَّهُ سَمِيعُ عَلِيمٌ ﴿٢٤﴾

إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عُمَرَنَ رَبِّي إِنِّي نَذَرْتُ لَكَ
مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّزاً فَقَبَّلَ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ
الْسَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٢٥﴾

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتِ رَبِّي إِنِّي وَضَعَنَّهَا آنِي وَاللَّهُ
أَغْرَيْتَنِي وَضَعَتْهُ وَلَيْسَ الدُّجَاجُ كَالْأُنْثَى وَلَيْ

anak perempuan dan Allah lebih mengetahui akan apa yang dilahirkannya itu. Dan memanglah tidak sama anak lelaki dengan anak perempuan dan sesungguhnya aku telah menamakannya Maryam dan aku lindungi dia dengan peliharaanMu, demikian juga zuriat keturunannya daripada godaan syaitan yang direjam».

37. Maka dia (Maryam) diterima oleh Tuhananya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkannya dengan didikan yang baik serta Dia mempertanggungjawabkan Zakaria untuk memeliharanya. Setiap kali Zakaria masuk untuk menemui Maryam di Mihrab, dia mendapati rezeki di sisinya. Zakaria bertanya: «Wahai Maryam, dari mana engkau dapat (buah-buahan) ini?» Maryam menjawab: «Ia daripada Allah, sesungguhnya Allah mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang Dia kehendaki tanpa perhitungan».
38. Ketika itu Zakaria berdoa kepada Tuhananya dengan berkata: «Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat yang baik, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar doa permohonan».
39. Lalu dia diseru oleh malaikat sedang dia mendirikan solat di Mihrab, (katanya): «Bahawasanya

سَمِّيَتْهَا أَمْرِيَّةً وَلَيْسَ أَعِدُّهَا بِكَ وَذُرِّيَّتْهَا
مِنْ أُلُّ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٦﴾

فَتَقَبَّلَهَا رَبُّهَا يَقُولُ حَسْنٌ وَأَنْثَيْتَهَا بَاتِّاً
حَسَنًا وَكَفَلَهَا زَكْرِيَاً كُلَّمَا دَخَلَ عَلَيْهَا
زَكْرِيَا الْمُحَرَّابَ وَجَدَ عِنْدَهَا رِزْقًا فَالْأَمْرُ
يَمْرِئُ إِلَيْكَ هَذَا قَالَتْ هُوَ مَنْ عِنْدَ اللَّهِ
إِنَّ اللَّهَ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٧﴾

هُنَالِكَ دَعَازَكَ رِيَاضَهُ وَقَالَ رَبِّهِ لِمِنْ
لَدُنْكَ دُرْيَاهُ طَبِيهَ إِنَّكَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٨﴾

فَنَادَتْهُ الْمَلَكِيَّةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصْلِي فِي

Allah memberi khabar yang menggembirakanmu, dengan (mengurniakanmu) Yahya, yang akan membenarkan Kalimah Allah, yang akan menjadi seorang ketua dan akan menahan diri (daripada syahwat), serta akan menjadi seorang nabi yang tergolong daripada orang yang soleh».

40. Zakaria berkata: «Wahai Tuhanmu! Bagaimanakah aku akan mendapat seorang anak, sedangkan aku telah tua dan isteriku pula mandul?» Allah berfirman: «Demikianlah Allah melakukan apa yang Dia kehendaki».
41. Zakaria berkata lagi: «Wahai Tuhanmu! Berikanlah aku satu tanda (yang menunjukkan isteriku mengandung)». Allah berfirman: «Tandamu itu ialah engkau tidak akan dapat berkata-kata dengan orang ramai selama tiga hari (tiga malam) melainkan dengan isyarat sahaja. Dan ingatlah kepada Tuhanmu sebanyak-banyaknya dan bertasbihlah memuji Allah pada waktu petang dan waktu pagi».
42. Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: «Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah telah memilihmu, menyucikanmu dan telah memuliakanmu melebihi perempuan-perempuan seluruh alam semesta».

الْمُحَرَّابُ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكُ بِيَحِيٍّ مُصَدِّقًا
بِكَلِمَةٍ مِّنْ أَنَّهُ وَسِيدٌ وَحَضُورٌ وَبَيْتًا
مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٢٩﴾

فَالَّرَبِّ أَنَّ يَكُونُ لِي غُلَمٌ قَدْ بَلَغَنَ
الْكِبَرُ وَأَمْرَأٌ فِي عَاقِرٍ قَالَ كَذَلِكَ
اللَّهُ يَفْعُلُ مَا يَشَاءُ ﴿٣٠﴾

قَالَ رَبِّيْ أَجْعَلَ لِيْ إِيَّاهُ قَالَ إِيْتَكَ
الَّذِيْ كَلَمَ النَّاسَ تَلَاهَ أَيَّامٌ الْأَرْمَادُ
وَأَذْكُرْ رَبَّكَ كَثِيرًا وَسَيِّدٌ بِالْعَنْشِيَّ
وَالْأَبْكَرٌ ﴿٣١﴾

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَمَرِّمُ إِنَّ اللَّهَ
أَصْطَلَقَكَ وَطَهَّرَكَ وَأَصْطَلَقَكَ
عَلَى نَسَاءِ الْعَالَمِينَ ﴿٣٢﴾

43. «Wahai Maryam! Taatlah kepada Tuhanmu dan sujudlah serta rukuklah bersama-sama orang yang rukuk»⁽¹⁾.

يَمْرِئَمُ أَفْنُتُكَ لَرْبَّكَ وَسُجْدَى
وَأَرْكَعَى مَعَ الرَّكْعَيْنَ ﴿٢٧﴾

44. Peristiwa yang demikian ialah sebahagian daripada berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), sedangkan engkau tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka mencampakkan qalam (pena atau anak panah) masing-masing (untuk mengundi) siapakah di antara mereka yang akan memelihara Maryam. Dan engkau juga (wahai Muhammad) tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka bergaduh (tentang perkara memelihara Maryam).

ذَلِكَ مِنْ آنَاءِ الْعِزِيزِ لَوْجِيَهِ إِلَيْكَ وَمَا كُنْتَ
لَدِيْهِمْ إِذْ لَقُوْنَ أَقْلَمَهُمْ يَكْفُلُ مَرِيمَ
وَمَا كُنْتَ لَدِيْهِمْ إِذْ لَخَّتْ صَمُونَ ﴿٤٤﴾

45. Ketika malaikat berkata: «Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah memberikan khabar yang menggembirakanmu, dengan (mengurniakanmu anak dengan) Kalimah daripada Allah, nama anak itu Al-Masih, Isa Ibni Maryam, seorang yang terkemuka di dunia dan di akhirat dan dia juga daripada orang yang dirapatkan hubungannya dengan Allah.

إِذْ قَالَتِ الْمَلَائِكَةُ يَمْرِئَمُ إِنَّ اللَّهَ
يُبَشِّرُكِ بِكَلْمَةٍ مِنْهُ أَسْمُهُ الْمَسِيحُ
عِيسَى ابْنُ مَرِيمَ وَجِيهًا فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ وَمِنَ الْمُقْرَبَيْنَ ﴿٤٥﴾

46. «Dan dia akan berkata-kata kepada orang ramai semasa dia masih dalam buaian dan apabila dia dewasa dan dia termasuk orang yang soleh».

وَيُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ وَكَهْلًا
وَمِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٤٦﴾

1 Maksudnya solatlah secara berjemaah.

- 47.** Maryam berkata: «Wahai Tuhan! Bagaimanakah aku akan mendapat seorang anak, sedangkan aku tidak pernah disentuh oleh seorang lelaki pun?» Allah berfirman: «Demikianlah keadaannya, Allah menjadikan apa yang Dia kehendaki. Apabila Dia hendak melaksanakan sesuatu perkara, maka Dia hanya berfirman kepadanya: "Jadilah engkau", lalu jadilah ia».
- 48.** Dan Allah akan mengajarnya "al-Kitab"⁽¹⁾, hikmah dan juga kandungan kitab-kitab Taurat dan Injil.
- 49.** Dan dia menjadi seorang rasul kepada Bani Israel, (yang akan menegaskan kepada mereka): «Sesungguhnya aku telah datang kepada kamu, dengan membawa satu tanda (mukjizat) daripada Tuhan kamu, iaitu aku boleh bentukkan tanah liat untuk kamu seperti seekor burung, kemudian aku meniupnya lalu ia menjadi seekor burung (yang hidup) dengan izin Allah. Aku juga boleh menyembuhkan orang yang buta dan orang yang berpenyakit sopak dan aku boleh menghidupkan kembali orang yang mati dengan izin Allah. Aku juga boleh memberitahu kepada kamu

قَالَ رَبِّنِي كُوْنُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي
بَشَرٌ قَالَ كَذَلِكَ اللَّهُ يَحْكُمُ مَا يَشَاءُ إِذَا قَضَى
أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٤٧﴾

وَيَعْلَمُهُ الْكِتَابُ وَالْحِكْمَةُ وَالْتَّوْرِيدَ
وَالْإِنْجِيلَ ﴿٤٨﴾

وَرَسُولًا إِلَيْكُمْ يَعْلَمُ أَنِّي قَدْ
جَعَلْتُكُمْ بِعِيَّةً مِنْ رَبِّكُمْ أَنِّي أَخْلُقُ
كُلَّ كُوْنٍ مِنَ الظَّلَمِنَ كَهْمَةَ الطَّيْرِ فَانْفَخْ فِيهِ
فَيَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِ اللَّهِ وَأَبْرُئُ الْأَكْمَةَ
وَالْأَبْرَصَ وَأَجْعِي الْمُوْقَتَ بِإِذْنِ اللَّهِ وَأَنْتَ كُوْنُ
بِمَا تَأْمُلُ كُوْنُ وَمَا تَدَّخِرُونَ فِي يُوْتَكُمْ إِنَّ فِي
ذَلِكَ لَذَكَرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٤٩﴾

1 Al-Kitab di sini bermaksud sama ada ilmu menulis hukum-hukum agama atau kitab-kitab yang diturunkan Allah sebelum Taurat dan Injil.

tentang apa yang kamu makan dan apa yang kamu simpan di rumah kamu. Sesungguhnya perkara-perkara yang demikian itu, mengandungi satu tanda (mukjizat) bagi kamu, jika kamu orang yang beriman.

50. «Dan mengesahkan kebenaran Kitab Taurat yang diturunkan sebelumku dan menghalalkan sebahagian perkara yang telah diharamkan kepada kamu dan aku juga datang dengan membawa satu mukjizat daripada Tuhan kamu. Maka bertaqwalah kepada Allah dan taatilah aku.

51. «Sesungguhnya Allah ialah Tuhanku dan Tuhan kamu, maka beribadatlah kepadaNya. Inilah jalan yang lurus».

52. Maka ketika Isa merasa akan kekufuran mereka (kaum Yahudi), dia pun berkata: «Siapakah penolong-penolongku dalam (menegakkan agama) Allah?» Orang «Hawariyyuun»⁽¹⁾ berkata: «Kamilah penolong-penolong Allah. Kami beriman kepada Allah dan saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang Islam.

53. «Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman kepada apa yang telah Engkau turunkan dan kami mengikut rasulMu. Maka

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيِّ مِنْ التَّوْرَةِ
وَلَا حِلًّا لَّكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ
عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِإِيمَانٍ مِّنْ رَّبِّكُمْ
فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿٥١﴾

إِنَّ اللَّهَ رَبِّيْ وَرَبُّكُمْ فَاعْبُدُوهُ هَذَا
صَرَطٌ مُّسْتَقِيمٌ ﴿٥١﴾

* فَلَمَّا أَحَسَّ عِيسَى مِنْهُمْ الْكُفْرَ
قَالَ مَنْ أَنْصَارِي إِلَى اللَّهِ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ
نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ أَمَّا بِاللَّهِ وَأَشَهَدُ
بِأَنَّ مُسْلِمُونَ ﴿٥٢﴾

رَبَّنَا آءَنَا مِمَّا أَنْزَلْتَ وَأَتَبَعْنَا الرَّسُولَ
فَأَكَتَبْنَا مَعَ الشَّاهِدِينَ ﴿٥٣﴾

1 Mereka adalah penyokong-penyokong Nabi Isa a.s.

catakanlah kami bersama orang yang menjadi saksi (yang mengakui keesaanMu dan kebenaran rasulMu)».

54. Dan mereka pun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Isa) dan Allah pula membalas tipu daya (mereka). Dan Allah adalah sebaik-baik pembalas tipu daya.
55. Ketika Allah berfirman: «Wahai Isa! Sesungguhnya Aku akan mengambilmu dan mengangkatmu ke sisiKu dan Aku akan membersihkanmu daripada orang kafir dan menjadikan pengikutmu mengatasi orang kafir hingga ke hari kiamat. Kemudian kepada Akulah tempat kamu kembali, lalu Aku akan memberi keputusan tentang apa yang kamu perselisihan».
56. Manakala orang kafir, maka Aku akan seksa mereka dengan azab yang amat berat di dunia dan di akhirat dan tiada sesiapa pun yang dapat menolong mereka.
57. Adapun orang yang beriman dan yang melakukan amalan yang soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka dan Allah tidak suka kepada orang yang zalim.
58. Demikianlah (kisah Isa), yang Kami bacakannya kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian

وَمَكْرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ بِهِمْ وَاللَّهُ خَيْرٌ
الْمُكَرِّينَ ٥٤

إِذْ قَالَ اللَّهُ يَعِيسَى إِنِّي مُتَوَقِّفٌ عَلَى رَبِّي
إِلَيْهِ وَمُطْهَرٌ أَنَا وَمَنْ يَكْفُرُ بِهِ فَأَعْلَمُ
الَّذِينَ تَبَعُونَ هُوَ أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ كَفَرُوا إِلَيْ
يَوْمِ الْقِيَامَةِ شَمَّا لَمْ يَرْجِعُوكُمْ فَأَحْكُمُ
بِيَنْكُمْ فِيمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ٥٥

فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأَعْلَمُ بِهِمْ عَذَابًا شَدِيدًا
فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَمَا هُمْ بِنَصَارَى ٥٦

وَأَمَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
فَيُوَفَّى لَهُمْ أَجُورُهُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ٥٧

ذَلِكَ نَسُوهُ عَلَيْكَ مِنَ الْآيَاتِ وَالظَّمِيرَ
الْمُكَرِّيرَ ٥٨

daripada hujah-hujah (yang membuktikan kebenarannya) dan daripada peringatan (al-Quran) yang mengandungi hikmah.

59. Sesungguhnya perumpamaan (kejadian) Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Adam. Allah telah menciptakan Adam daripada tanah lalu berfirman kepadanya: «Jadilah engkau!» Lalu jadilah ia.
60. Perkara yang benar ialah yang datang daripada Tuhanmu. Maka jangan sama sekali engkau termasuk orang yang ragu-ragu.
61. Maka sesiapa yang berdebat denganmu mengenainya (kisah Isa), setelah engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka: «Marilah kami menyeru anak-anak kami serta anak-anak kamu, perempuan-perempuan kami serta perempuan-perempuan kamu dan diri kami serta diri kamu, kemudian kami memohon kepada Allah dengan bersungguh-sungguh serta meminta supaya lakan Allah ditimpakan kepada orang yang berdusta».
62. Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar dan tiada Tuhan melainkan Allah. Dan sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ
إِادَمَ خَلَقَهُ وَمِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٦٩﴾

الْحُقْقُ مِنْ رَبِّكَ فَلَا تَكُونُ مِنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٧﴾

فَمَنْ حَاجَكَ فِيهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ
فَقُلْ تَعَالَوْا نَدْعُ ابْنَاءَ آبَائِنَا إِنَّمَا
وَنِسَاءَ آبَائِنَا وَأَنْسَاءَ آبَائِنَا كُلُّهُمْ
وَنَفْسَنَا وَأَنْفَسَنَا كُلُّهُمْ
نَبِّهِنَ فَتَجْعَلَ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَى الْكَذِيلِينَ ﴿٦٨﴾

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصْصُ الْحُقْقُ وَمَا مِنْ إِلَهٌ
إِلَّا اللَّهُ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٩﴾

- ٦٣.** Maka jika mereka berpaling maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan orang yang melakukan kerosakan.
- ٦٤.** Katakanlah: «Wahai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada satu Kalimah yang sama antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan kami tidak menyekutukanNya dengan sesuatu pun. Jangan pula sebahagian daripada kita mengambil sebahagian yang lain sebagai sembahhan selain daripada Allah». Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling, maka katakanlah kepada mereka: «Saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang Islam».
- ٦٥.** Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu berani memperdebatkan tentang (agama) Ibrahim, padahal Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan selepas zamannya, tidakkah kamu berfikir?
- ٦٦.** Beginilah kamu (sewajarnya) berdebat tentang perkara yang kamu ketahui, lalu mengapa kamu berdebat tentang perkara yang tidak kamu ketahui sedikit pun tentangnya? (Ingiatlah), Allah mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahuinya.

فَإِنْ تُوَلُّوْ فَإِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ بِالْمُقْسِدِينَ ﴿٦٣﴾

فُلَيَّاَهُلَّ الْكِتَبِ تَعَاوَنُوا إِلَى كَيْمَةِ
سَوَاعِدِ بَيْتَنَا وَبَيْتَكُمْ لَا يَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ
وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَخَذَ بَعْضُنَا بَعْضًا
أَرَبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلُّوْ فَقُولُواْ
أَشْهَدُуْ بِأَنَّا مُسْلِمُوْنَ ﴿٦٤﴾

يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَمْ تُحَاجِجُوْنَ فِي إِبْرَاهِيمَ
وَمَا أَنْزَلَتِ الْتَّوْرِيْهُ وَلِلْإِنْجِيلِ الْأَمِنَ
بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُوْنَ ﴿٦٥﴾

هَآنَسُ هَؤُلَاءِ حَجَجُوْنَ فِي مَا لَكُمْ
بِهِ عِلْمٌ فَلَمْ تُحَاجِجُوْنَ فِي مَا لَيْسَ لَكُمْ
بِهِ عِلْمٌ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٦٦﴾

- ٦٧.** Ibrahim itu bukan seorang Yahudi dan dia juga bukan seorang Nasrani, tetapi dia seorang muslim yang tetap di atas dasar Tauhid dan dia pula bukanlah daripada golongan orang musyrik.
- ٦٨.** Sesungguhnya orang yang paling dekat kepada Ibrahim ialah orang yang mengikutinya dan juga Nabi (Muhammad) ini serta orang yang beriman (umat Islam). Dan Allah ialah Pelindung seluruh orang yang beriman.
- ٦٩.** Segolongan daripada Ahli Kitab ingin menyesatkan kamu, padahal mereka tidak akan menyesatkan melainkan dirinya sendiri dan mereka pula tidak menyedari.
- ٧٠.** Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu mengingkari ayat-ayat Allah padahal kamu menyaksikan kebenaranNya?
- ٧١.** Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu mencampur adukkan yang benar dengan yang batil^(١) dan menyembunyikan kebenaran padahal kamu mengetahuinya?
- ٧٢.** Segolongan daripada Ahli Kitab berkata (sesama sendiri): «Perlihatkanlah (seolah-olah) kamu beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepada orang yang beriman itu pada permulaan siang, dan ingkarilah ia pada pengakhirannya, supaya mereka

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصَارَائِيًّا
وَلِكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ
مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

إِنَّ أُولَئِكَ النَّاسُ بِإِيمَانِهِمْ لَذِينَ اتَّبَعُوا هُدًى
أَنَّهُمْ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللهِ وَلِلَّهِ فِي الْأُمُّوْدِينَ ﴿٦٨﴾

وَدَّتِ طَائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْيَضِلُونَكُمْ
وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ وَمَا يَسْعُونَ ﴿٦٩﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَمْ تَكُفُّرُونَ بِيَاتِ اللَّهِ
وَأَنْتُمْ تَشَهُّدُونَ ﴿٧٠﴾

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَمْ تَلِمُّوْسِنَ الْحُقْقَ بِالْبُطْلِ
وَتَكُمُّوْنَ الْحُقْقَ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ﴿٧١﴾

وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ ءَامَنُوا
بِالَّذِي أُنْزِلَ عَلَى الَّذِينَ ءَامَنُواْ وَجْهُ النَّهَارِ
وَأَهْرَوْا إِلَيْهِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٧٢﴾

١ Batil bermaksud yang salah atau yang tidak benar.

(orang beriman) kembali (kafir semula)).

- 73.** Dan janganlah kamu percaya melainkan kepada orang yang mengikuti agama kamu». Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya hidayah yang sebenar-benarnya ialah hidayah Allah». (Mereka pula berkata): «(Janganlah kamu percaya) bahawa akan diberi kepada seseorang seperti apa yang telah diberikan kepada kamu, atau mereka akan dapat menewaskan hujah kamu di sisi Tuhan kamu». Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya kurniaan itu di tangan Allah, Dia memberikannya kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah Maha Luas kurniaaNya lagi Maha Mengetahui.
- 74.** Allah menentukan rahmatNya itu kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan Allah mempunyai kurniaan yang besar.

- 75.** Di kalangan Ahli Kitab ada orang yang jika engkau amanahkannya menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, dia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, dia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali jika engkau selalu

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِيَارَكُمْ قُلْلَىٰ
الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهُ أَنْ يُؤْتَنَ أَحَدٌ مِثْلَ مَا أُوتِيْتُمْ
أَوْ حَاجُوكُمْ عِنْدَ رِتَكُمْ قُلْ إِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ
يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ
٧٦

يَخْصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ
الْعَظِيمِ
٧٦

*وَمَنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمُنْهُ يَقْتَطِعْ
يُؤْدِي إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمُنْهُ يُدِينَا رَلَّا
يُؤْدِي إِلَيْكَ إِلَّا مَادُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ
بِإِنْهُمْ قَالُوا يَسَّ عَيْنَاهَا فِي الْأَمْمَاتِ سَيِّلُ
وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ
٧٧

menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: «Tidak ada dosa bagi kami terhadap orang yang ummi⁽¹⁾, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah padahal mereka mengetahui.

76. (Bukan demikian), sebenarnya sesiapa yang menepati janji (yang dibuat) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah menyayangi orang yang bertaqwa.
77. Sesungguhnya orang yang mengutamakan keuntungan dunia yang sedikit dengan menolak janji Allah dan mencabuli sumpah mereka, mereka tidak akan mendapat bahagian yang baik pada hari akhirat dan Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka dan tidak akan memandang kepada mereka pada hari Kiamat dan tidak akan membersihkan mereka (daripada dosa) dan mereka pula akan beroleh azab yang pedih.
78. Dan sesungguhnya, di kalangan Ahli Kitab itu, ada yang memutar-belitkan lidah mereka semasa membaca Kitab Taurat supaya kamu menyangka yang dibacanya itu sebahagian daripada Kitab Taurat padahal ia bukanlah daripada Kitab itu dan mereka berkata: «Ia adalah dari

بِلَّمَنْ أَوْفَ بِعَهْدِهِ وَأَنْقَلَ فِي إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُتَّقِينَ

إِنَّ الَّذِينَ يَشْرُكُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأَيْمَنَهُمْ
ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَئِكَ لَا خَاقَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ
وَلَا يَكُلُّمُهُمُ اللَّهُ وَلَا يُنْظِرُ إِلَيْهِمْ رَوْمَ
الْفِيْسَةَ وَلَا يُزَكِّيْهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

٧٧

٧٨

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلُوْنَ الْأَسْتَهْمُ
بِالْكِتَبِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَبِ
وَمَا هُوَ مِنَ الْكِتَبِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ
عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى
اللَّهِ الْكِذْبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

٧٩

1 Di sini maksudnya orang Arab.

sisi Allah», padahal ia bukanlah dari sisi Allah. Mereka berkata dusta terhadap Allah sedangkan mereka mengetahuinya.

79. Tidak wajar bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya al-Kitab, al-Hikmah dan kenabian, kemudian dia berkata kepada manusia: «Hendaklah kamu menyembahku (sebagai sembahana) selain Allah». Akan tetapi (dia berkata): «Hendaklah kamu menjadi “rabbaniyyin”⁽¹⁾, kerana kamu sentiasa mengajarkan isi kitab Allah itu dan kerana kamu selalu mempelajarinya.
80. Dan dia tidak pula patut menyuruh kamu menjadikan malaikat dan para nabi sebagai tuhan-tuhan. Patutkah dia menyuruh kamu melakukan kekufuran selepas kamu menjadi orang Islam?
81. Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada para nabi (dengan firmanNya): «Sesungguhnya apa jua yang Aku berikan kepada kamu berupa al-Kitab dan al-Hikmah, kemudian datang pula kepada kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu benar-benar beriman kepadanya dan

مَا كَانَ لِشَرِّيْرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ
وَالْحُكْمَ وَالْجِوَاهِرَةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُلُّوْنَا
عَبَادًا لِّيْ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكُنْ كُلُّوْنَا
رَبِّيْنِنَّ بِمَا كُنْتُمْ تُعْلَمُوْنَ
الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُوْنَ

٦١

وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَسْخُذُوا الْمُلَائِكَةَ
وَالنَّبِيِّنَ أَرْبَابًا أَيَّامُرُكُمْ بِالْكُفْرِ عَدَّ
إِذَا نَسُمُ مُسْلِمُوْنَ

وَإِذَا أَخْذَ اللَّهُ مِيقَاتِ النَّبِيِّنَ لِمَاءَ اتَّيَّثُكُمْ مِنْ
كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ شُرَجَاءَ كُمْ رَسُولُ
مُصَدِّقٌ لِمَا عَاهَكُمْ لَوْمَةً بِهِ
وَلَتَنْصُرُنَّهُ وَقَالَ أَقْرَبْتُمْ وَأَخْتَرْتُ عَلَى
ذَلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَبْنَا قَالَ فَأَشْهَدُ وَ
وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِيْنَ

٨١

1 Orang yang hanya menyembah Allah Taala.

hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya». Allah berfirman lagi: «Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima perjanjianKu secara yang demikian itu?» Mereka menjawab: «Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)». Allah berfirman lagi: «Jika demikian, maka saksikanlah dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu».

82. Maka sesiapa yang ingkar selepas mengakui perjanjian setia itu, maka mereka itulah orang yang fasiq.
83. Patutkah mereka mencari selain daripada agama Allah selepas itu? Padahal seluruh makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk kepadaNya sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa dan kepadaNyalah mereka dikembalikan.
84. Katakanlah (wahai Muhammad): «Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami dan kepada apa yang telah diturunkan kepada para nabi: Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakub dan keturunannya. Begitu juga kepada apa yang telah diberikan kepada para nabi: Musa, Isa dan seluruh para nabi daripada Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka dan kepada Allah jualah kami berserah diri».

فَمَنْ تَوَلَّ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ
الْمُنَسِّقُونَ ﴿٨٢﴾

أَفَغَيْرَ دِينِ اللَّهِ يَعْبُدُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَنْ
فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا
وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

قُلْ إِنَّمَا أَنْذِلْنَا عَلَيْنَا مَا أَنْزَلْنَا
عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَسَحْقَرَ
وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ وَمَا أُوذِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ
وَالنَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ
مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨٤﴾

- 85.** Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak termasuk orang yang rugi.
- 86.** Bagaimana Allah akan memberi hidayah kepada sesuatu kaum yang kufur setelah mereka beriman dan setelah mereka bersaksi bahawa Rasulullah itu adalah benar dan telah datang pula kepada mereka bukti-bukti yang jelas. Dan Allah tidak akan memberikan hidayahNya kepada kaum yang zalmi.
- 87.** Balasan mereka ialah mereka akan ditimpakn laksat Allah dan malaikatNya serta semua orang (yang beriman).
- 88.** Mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan azab bagi mereka dan mereka pula tidak diberi tempoh.
- 89.** Kecuali orang yang bertaubat selepas itu serta memperbaiki keburukan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
- 90.** Sesungguhnya orang yang kafir selepas mereka beriman, kemudian mereka bertambah kufur lagi, tidak sama sekali akan diterima taubat mereka dan mereka itulah orang yang sesat.
- 91.** Sesungguhnya orang yang kafir lalu mati dalam keadaan kafir,

وَمَن يَبْتَغِ عَيْرًا إِلَّا سُلْطَنٌ وَيَأْفَانِ يُقْبَلَ
مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ ﴿٨٦﴾

كَيْفَ يَهْدِي اللَّهُ قَوْمًا كَفَرُوا بَعْدَ
إِيمَانِهِمْ وَشَهِدُوا أَنَّ الرَّسُولَ حَقٌّ
وَجَاءَهُمْ أُبَيْنَتْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي
الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ أَنَّ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ اللَّهِ
وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسُ أَجْمَعِينَ ﴿٨٨﴾

خَلِيلِينَ فِيهَا الْأَلْحَافُ عَنْهُمُ الْعَذَابُ
وَلَا هُمْ يُنْظَرُونَ ﴿٨٩﴾

إِلَّا الَّذِينَ تَأْبُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَاصْلَحُوا
فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُوا
كُفْرًا لَّنْ تَقْبَلَ تَوْبَتُهُمْ وَأُولَئِكَ هُمُ
الظَّالِمُونَ ﴿٩١﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَا أُوتُوهُمْ كُفَّارٌ

maka tidak sama sekali akan diterima daripada seseorang di kalangan mereka (pada hari kiamat) emas sepenuh bumi, walaupun (untuk) dia menebus dirinya dengan emas sebanyak itu. Mereka itu akan mendapat azab yang pedih dan tidak ada seorangpun yang akan menolong mereka.

92. Kamu tidak akan sama sekali dapat mencapai kebaikan (yang sempurna) sehingga kamu infakkan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa jua yang kamu infakkan.
93. Segala jenis makanan adalah halal bagi Bani Israel, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israel (Yaakub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad): «Maka bawalah Kitab Taurat itu kemudian bacakanlah ia, jika kamu memang orang yang benar».
94. Maka sesiapa yang mereka-reka kata dusta terhadap Allah selepas itu, maka mereka itulah orang yang zalim.
95. Katakanlah (wahai Muhammad): «Benarlah Allah, maka ikutlah kamu akan agama Ibrahim yang lurus dan dia bukan daripada golongan orang musyrik.

فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَحَدٍ هُمْ قُلْءَ الْأَرْضِ
ذَهَبًا وَلَوْ أَفْتَرَى بِهِ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ
إِلَيْمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَصِيرٍ ١٩٦

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَحَقَةَ تُنْفَقُوا مَا تَحْبُبُونَ
وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ١٩٧

* كُلُّ أَطَعَامٍ كَانَ حَلَالًا لَّتَنْفِعَ
إِسْرَائِيلٌ إِلَّا مَا حَرَمَ إِنْسَانٌ بِلُّ عَلَى نَفْسِهِ
مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنْزَلَ التَّوْرِيدَةُ قُلْ فَأَتُوْبُ أَنْتَ وَرَبُّكَ
فَاتَّلُوهَا إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ١٩٨

فَمَنْ أَفْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ مِنْ بَعْدِ
ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ١٩٩

قُلْ صَدَقَ اللَّهُ فَاتَّبِعُوا مَلَةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشَرِّكِينَ ٢٠٠

- 96.** Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia ialah Baitullah di Makkah yang diberkati dan menjadi hidayah bagi umat manusia.
- 97.** Di situ ada tanda-tanda bukti yang nyata (di antaranya ialah) Makam Ibrahim. Dan sesiapa yang memasukinya(Baitullah) aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia menunaikan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada semua makhluk.
- 98.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu mengingkari ayat-ayat Allah, padahal Allah sentiasa menyaksikan apa yang kamu lakukan?»
- 99.** Katakanlah: «Wahai Ahli Kitab! Mengapa kamu menghalang orang yang beriman daripada mengikut jalan Allah (Islam), kamu hendak menjadikan jalan Allah itu bengkok, padahal kamu menyaksikan (kebenarannya)? «Dan Allah tidak sama sekali lalai dengan apa yang kamu lakukan.
- 100.** Wahai orang yang beriman! Jika kamu taati sesuatu puak daripada orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan al-Kitab itu, mereka

إِنَّ أُولَئِكَ هُنَّ قَوْمٌ لَّا يَعْلَمُونَ
مُبَارِكًا وَهُدًى لِّلنَّاسِ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٦٧﴾

فِيهِ إِيمَانٌ بِسِنْتٌ مَقَامٌ لِإِبْرَاهِيمَ وَمَنْ
دَخَلَهُ، كَانَ إِيمَانًا لِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجَّ
الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ
فَإِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ عِزْمٌ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٦٨﴾

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَكُونُونَ بِإِيمَانِ اللَّهِ
وَاللَّهُ شَهِيدٌ عَلَى مَا تَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَرْضُدُونَ عَنِ
سَبِيلِ اللَّهِ مَنْ مِنْ أَمَنَ تَبَغْفِيْهَا عَوْجَأَ وَأَنْثُرَ
شَهَادَةً وَمَا اللَّهُ يُحِبُّ فِي عَمَالَمَعْلُومٍ ﴿٧٠﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ نُطْحِيْعُ أَفْرِيقَيَا
مِنَ الَّذِينَ أَوْقَأُوا الْكِتَابَ بِرُدُودٍ وَكَمْ بَعْدَ
إِيمَانَكُوْكَفِيرِينَ ﴿٧١﴾

pasti akan mengembalikan kamu menjadi orang kafir setelah kamu beriman.

101. Dan bagaimana kamu akan menjadi kafir padahal dibacakan kepada kamu ayat-ayat Allah (al-Quran), dan di kalangan kamu ada RasulNya (Muhammad, s.a.w)? Dan sesiapa yang berpegang teguh kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah diberi hidayah ke jalan yang lurus.

102. Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan jangan sama sekali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

103. Dan berpegang teguhlah kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah-belah. Ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu, maka dengan nikmat Allah itu kamu menjadi orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah selamatkan kamu daripada neraka itu (disebabkan nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayatNya, supaya kamu mendapat hidayah.

وَكَيْفَ تَكُفُّرُونَ وَأَنْتُمْ تُتَلَّى عَلَيْكُمْ مَا يَكُونُ
الْهُدَىٰ وَفِيهِ كُمْ رَسُولُهُ وَمَنْ يَعْصِمْ بِاللَّهِ
فَقَدْ هُدِيَ إِلَى صَرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٦﴾

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ قُرْآنَةَ
وَلَا تَمُونُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسَلِّمُونَ ﴿١٧﴾

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَنْقِرُوهُ
وَذَكِرُوا نَعْمَاتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
أَعْدَاءَ قَالَ فَلَمَّا بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحُوكُمْ
بِنِعْمَتِهِ إِلَحْوَنَا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاعَ حُفْرَةٍ
مِنْ أَنَارٍ فَانقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ
كُمْ مَا يَكُونُ لَكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٨﴾

- 104.** Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh kepada perkara yang baik serta melarang daripada segala perbuatan yang keji. Dan mereka itulah orang yang berjaya.
- 105.** Dan janganlah kamu menjadi seperti orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah berpecahbelah dan berselisihan (dalam agama mereka) selepas datang kepada mereka bukti-bukti yang jelas dan mereka itu akan beroleh azab yang dahsyat.
- 106.** Pada hari itu ada wajah yang menjadi putih berseri dan ada wajah yang menjadi hitam legam. Adapun orang yang telah hitam legam wajahnya, (mereka akan ditanya secara menempelak): «Patutkah kamu kufur selepas kamu beriman? Maka rasakanlah azab neraka disebabkan kekufturan kamu itu».
- 107.** Manakala orang yang putih berseri wajah mereka, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (syurga), mereka kekal di dalamnya.
- 108.** Itulah ayat-ayat Allah yang kami bacakannya kepadamu (wahai Muhammad) dengan kebenaran. Dan Allah tidak mahu melakukan kezaliman kepada semua makhlukNya.

وَلَتَكُنْ مِنَّكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

١٢٥

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَخَلَفُوا مِنْ بَعْدِ
مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ
عَظِيمٌ

يَوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَسَوْدَ وُجُوهٌ فَإِنَّ الَّذِينَ
أُسْوَدَتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَارٌ مُّبَدِّئُونَ
فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ تَكْفُرُونَ

وَإِنَّ الَّذِينَ أَبْيَضَتْ وُجُوهُهُمْ فِي رَحْمَةٍ
اللَّهُ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ

تَلَكَّءَ إِيَّاكَ اللَّهُ نَتَلُوهَا عَلَيَّاكَ بِالْحَقِّ
وَمَا اللَّهُ بِرِيدٌ ظُلْمًا لِّلْعَالَمِينَ

١٢٦

109. Dan Allah memiliki segala yang ada di langit dan di bumi dan kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan.

110. Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, (kerana) kamu menyuruh agar melakukan perkara yang baik dan melarang daripada perkara yang keji, serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang yang fasiq.

111. Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) tidak sama sekali akan membahayakan kamu, selain daripada menyakiti (perasaan kamu dengan ejakan dan tuduhan yang tidak berasas). Dan jika mereka memerangi kamu, mereka akan berpaling lari membelakangkan kamu (kalah dengan sehina-hinanya), selepas itu mereka tidak akan mencapai kemenangan.

112. Mereka ditimpakan kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali Allah (agama Allah) dan tali (perjanjian) dengan manusia. Dan sudah

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
وَإِلَى اللَّهِ تُرْجَعُ الْأُمُورُ ﴿١٨﴾

كُثُرْ خَيْرٍ أَفَمِنْ أَخْرِجَ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا يَأْمَنُ أَهْلُ الْكِتَابِ
لَكَانَ خَيْرًا لِّهُمْ فَنِهَمُ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكَثَرُهُمُ الْفَدِيقُونَ ﴿١٩﴾

لَنْ يَصُرُّ وَكُمْ إِلَّا آذَىٰ وَلَنْ يُقْتَلُوكُمْ
يُولُوكُمْ أَلَّا يَدْبَرُوكُمْ لَا يُنْصَرُونَ ﴿٢٠﴾

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الدَّلَةُ إِنَّمَا مَا نَفَقُوا إِلَّا
يُحَمِّلُ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَحَمِلُ مِنَ النَّاسِ وَبِآيَةٍ وَ
يُغَضِّبُ مِنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ

sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah dan ditimpakan kemiskinan. Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur dengan ayat-ayat Allah dan mereka membunuh para nabi tanpa alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas.

الْمُسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ
بِعَائِدَتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ أَلْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقٍّ
ذَلِكَ بِمَا عَصَمُوا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٣﴾

- 113.** Mereka itu tidak sama. Di antara Ahli Kitab ada golongan yang (memeluk Islam), mereka membaca ayat-ayat Allah (al-Quran) pada waktu malam, serta mereka juga bersujud (mendirikan solat).

* لَيْسُوا سَوَاءً مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ
قَاتِلَةٌ يَتُلُوْنَ إِيمَانَ اللَّهِ أَنَّهُمْ أَمْلَى
وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴿١١٣﴾

- 114.** Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, menyuruh kepada perkara kebaikan dan melarang daripada perkara yang mungkar dan bersegera melakukan pelbagai kebajikan. Mereka itulah termasuk orang yang soleh.

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُسْرِعُونَ فِي الْحَيْرَاتِ فَإِذَا لَمْ يَكُنْ
مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١١٤﴾

- 115.** Dan apa sahaja kebaikan yang mereka lakukan, maka tidak sama sekali mereka dihalangi (daripada mendapat pahalanya). Dan Allah Maha Mengetahui orang yang bertaqwa.

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَآنِي يُكَفِّرُهُ
وَاللَّهُ عَلَيْهِ بِمُمْتَقِنِينَ ﴿١١٥﴾

- 116.** Sesungguhnya orang yang kafir, harta benda mereka dan anak-anak mereka, tidak sama sekali akan dapat menyelamatkan mereka daripada (azab) Allah sedikitpun dan mereka itu ialah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ تُفْعِلُ عَنْهُمْ أَمْوَالُهُمْ
وَلَا أَنْ لَدُهُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَأَوْتَاهُكُمْ
أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِيلُوْنَ ﴿١١٦﴾

117. Perumpamaan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini (sekalipun untuk amalan yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, lalu melanda tanaman kaum yang menzalimi diri mereka sendiri, lalu membinasakannya. Dan Allah tidak menzalimi mereka, tetapi mereka kalah yang menzalimi diri mereka sendiri.

مَثْلُ مَا يُنفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
كَمَثْلِ رِيحٍ فِيهَا صَرَّاصَاتٌ حَرَثٌ قَوْرَ
ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ فَأَهْلَكَتُهُ وَمَا
ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنَّ أَنفُسَهُمْ يَظْلَمُونَ ﴿١١٧﴾

118. Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang bukan daripada kalangan kamu menjadi «bitanah»⁽¹⁾. Mereka tidak akan berhenti-henti mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka mengharapkan apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata tanda kebencian pada pertuturan mulut mereka dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar. Sesungguhnya telah Kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَأْمُوا لَا تَخْدُوا بِطَائِنَةَ قُنْ
دُونَكُرْ لَا يَأْلُونَ كُمْ خَبَالاً وَدُونَمَاعَيْتُمْ
قَدْ بَدَّتِ الْبَعْصَاءُ مِنْ أَقْوَاهُمْ
وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَ كُمْ
الْأَذْكَى إِنْ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١١٨﴾

119. Inilah (kesalahan) kamu! Kamu sahaja yang menyukai mereka sedangkan mereka tidak menyukai kamu. Kamu beriman kepada segala kitab Allah (sedangkan mereka tidak). Apabila mereka bertemu dengan kamu mereka berkata: «Kami beriman», tetapi apabila mereka

هَأَنْتُمُ أُولَئِكَ تُحِبُّونَهُمْ وَلَا يُحِبُّونَكُمْ
وَتُؤْمِنُونَ بِالْكِتَابِ كُلِّهِ وَإِذَا أَقْوَمْتُمُ الْأُرْوَ
ءَ أَمَّا وَإِذَا أَخْلَوْتُمُ عَصُوَّا عَلَيْكُمُ الْأَنَاءَ مَلَ
مِنَ الْغَيْظِ قُلْ مُؤْمِنُونَ بِهِ مُؤْمِنُونَ اللَّهُ عَلَيْمُ
بِدَّاتِ الصُّدُورِ ﴿١١٩﴾

1 Teman karib yang dipercayai.

berkumpul sesama sendiri, mereka menggigit hujung jari kerana geram bercampur marah, katakanlah (wahai Muhammad): «Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu». Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala (isi hati) yang ada di dalam dada.

- 120.** Kalau kamu beroleh kebaikan, ia menyakitkan hati mereka, dan jika kamu ditimpa bencana, mereka bergembira dengannya. Dan kalau kamu bersabar dan bertakwa, maka tipu daya mereka tidak akan membahayakan kamu sedikitpun. Sesungguhnya Allah, pengetahuanNya meliputi apa yang mereka lakukan.
- 121.** Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika engkau keluar pada pagi hari dari rumah keluargamu (di Madinah), dengan tujuan menempatkan orang yang beriman di tempat masing-masing untuk berperang (di medan perang Uhud). Dan Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.
- 122.** (Ingartlah) ketika dua puak daripada kamu (pada hari peperangan Uhud itu) terasa lemah semangat (untuk meneruskan perjuangan) kerana takut, padahal Allah Penolong dan Pelindung mereka. Dan (jika sudah demikian) kepada Allah sahajalah hendaknya orang yang beriman itu bertawakal.

إِنْ تَمْسِكُ كُلُّ حَسَنَةٍ تَسْوِهُمْ وَإِنْ تُصْبِحُ كُلُّ
سَيِّئَةٍ يَفْرُحُوا بِهَا وَإِنْ تَصْبِرُ فَإِذَا قَاتَلُوكُمْ
لَا يُضْرِبُكُمْ كَيْدُهُمْ شَيْئاً إِنَّ اللَّهَ بِمَا
يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٦٦﴾

وَلَدَ عَدَوَتَ مِنْ أَهْلَكَ تُبَرِّئُ الْمُؤْمِنِينَ
مَقْعِدٌ لِّلْقَاتَالِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِ ﴿٦٧﴾

إِذْ هَمَّتْ طَآيِفَتَانِ مِنْكُمْ أَنْ تَفْشَلَا وَأَنَّ
وَإِلَيْهِمَا وَعَلَى اللَّهِ فَلَيَسْتَوْكَلَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٦٨﴾

123. Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam peperangan Badar, sedang kamu berkeadaan lemah (kerana bilangan kamu yang sedikit dan kekurangan alat perang). Maka bertaqwalah kepada Allah, agar kamu bersyukur.

124. (Ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang yang beriman: «Tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tentera daripada malaikat yang diturunkan?»

125. Bahkan (mencukupi). Jika kamu bersabar dan bertaqwa dan mereka (musuh) datang menyerang kamu dengan serta-merta, pasti Allah membantu kamu dengan lima ribu malaikat yang masing-masing bertanda.

126. Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan berita gembira kepada kamu dan untuk mententeramkan hati kamu. Dan (ingatlah) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya daripada Allah Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

127. (Kemenangan Badar itu) kerana Allah hendak membinasakan satu golongan daripada orang kafir atau menghina mereka (dengan

وَلَقَدْ نَصَرَ اللَّهُ بِدَرْ وَأَنْشَرَ أَذْلَلَةً فَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٧٣﴾

إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَّا يَكْفِيَكُمْ أَنْ يُمْدَدُكُمْ
بَعْضُكُمْ بِشَاهْدَةَ الْكَفِرِ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُنْزَلِنَ ﴿١٧٤﴾

بَلَّ إِنْ تَصْبِرُ وَلَا تَتَقَوَّلُ وَلَا تُوكِمُ مِنْ
فَوْهِمْ هَذَا يُمْدَدُكُمْ رَبُّكُمْ بِخَمْسَةَ
إِلَّا فِرْقَنَ الْمَلَائِكَةِ سُوْمِينَ ﴿١٧٥﴾

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ لِلْأَبْشَرِ لَكُمْ وَلَتَظْمَنَّ
قُلُوبُكُمْ بِهِ وَمَا الظَّرِيرَ إِلَّا مِنْ عَنْدِ
اللَّهِ الْعَرِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٧٦﴾

لِيَقْطَعَ طَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا
أَوْ يَكُنْتُ هُمْ فَيَنْقَلِبُوا لَخَابِينَ ﴿١٧٧﴾

kekalahan), supaya mereka kembali dengan kecewa.

- 128.** Engkau tidak berhak sedikitpun (wahai Muhammad) dalam urusan (orang yang ingkar) itu, sama ada Dia menerima taubat mereka ataupun Dia menyeksa mereka, kerana sesungguhnya mereka itu orang yang zalim.

- 129.** Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dia mengampunkan sesiapa yang Dia kehendaki, dan Dia menyeksa sesiapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

- 130.** Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya.

- 131.** Dan peliharalah diri kamu daripada api neraka yang disediakan untuk orang kafir.

- 132.** Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, supaya kamu diberi rahmat.

- 133.** Dan bersegeralah kamu kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan syurga yang lebarnya seluas seluruh langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertaqwa.

لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ إِوْيَنُوبَ عَلَيْهِمْ
أَوْعَدْتَهُمْ فَإِنَّهُمْ ظَالِمُونَ

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
يَعْفُرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَعْذِبُ مَنْ يَشَاءُ
وَاللَّهُ عَفْوُرٌ حَمِيرٌ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِذْ مُؤْلَأُوا الرِّبْوَانِ
أَضْعَافًا مُضْعَفَةً وَأَنْقُولَهُ لَعْلَكُمْ
تُفْلِحُونَ

وَأَنْقُوا النَّارَ إِلَيْهِ أُعَدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْجَمُونَ

* وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَبِّكُمْ
وَجَنَّةٌ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ
أُعَدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

- 134.** Iaitu orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang yang menahan kemarahaninya serta orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan Allah menyayangi orang yang melakukan kebaikan.
- 135.** Dan juga orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menzalimi diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa kecuali Allah. Mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui.
- 136.** Orang yang demikian sifatnya, balasan mereka ialah keampunan daripada Tuhan mereka, dan syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya, mereka kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik balasan (bagi) orang yang beramal.
- 137.** Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah (peraturan dan ketetapan) Allah. Maka mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana kesudahan orang yang mendustakan.
- 138.** Al-Quran ini ialah penerangan kepada semua umat manusia dan hidayah serta pengajaran bagi orang yang bertaqwa.

الَّذِينَ يُنفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالصَّرَاءِ
وَالْأَكْنَاطِينَ أَعْيَطَهُمْ وَالْأَعْافِينَ
عَنِ الْأَنْتَسِينَ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٦﴾

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَجَحَشَةً أَوْظَلَمُوا
أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا
لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَعْفُرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَآخَرُ
يُصْرُّ وَأَعْلَى مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٧﴾

أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ
وَجَاءَتْ تَجْزِيَةٌ مِّنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَلِيلَيْنَ
فِيهَا وَعِمَرٌ أَجْرُ الْعَمِيلَيْنَ ﴿١٨﴾

فَدَخَلَتْ مِنْ قَبْلِ كُمْسَتٍ فَسِيرُوا
فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾

هَذَا بَيْانُ لِلنَّاسِ وَهُدَىٰ وَمَوْعِظَةٌ
لِلْمُسْتَقِرِّينَ ﴿٢٠﴾

139. Janganlah kamu merasa lemah dan janganlah kamu bersedih, padahal kamulah orang yang paling tinggi darjatnya jika kamu orang yang beriman.

140. Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka (tercedera), maka sesungguhnya kaum (musyrik yang mencerobohi kamu) itu telah (tercedera juga dan) mendapat luka yang sama (dalam peperangan Badar). Dan demikian itulah keadaan sehari-hari (dunia ini dengan peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan), kami gilirkannya antara sesama manusia, (supaya menjadi pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang yang tetap beriman (dan yang sebaliknya) dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu mati syahid. Dan Allah tidak suka kepada orang yang zalim.

141. Dan juga kerana Allah hendak membersihkan orang yang beriman (daripada dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang yang kafir.

142. Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah orang yang berjihad di kalangan kamu dan belum lagi nyata orang yang sabar (dalam perjuangan)?

وَلَا تَنْهُنُ أَوْ لَا تَخْرُنُ وَأَنْتُمُ الْأَعْلَوْنَ إِنْ

كُنُّمُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

إِنْ يَمْسِكُ قَوْحٌ فَقَدْ مَسَ الْقَوْمَ قَرْحٌ
فَتَلَهُ وَتَلَكَ الْأَيَامُ نُذَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ
وَلِعَمَّ اللَّهُ الْمُمْلَكَةِ أَمْنًا وَيَتَخَذَ مِنْكُمْ
شُهَدَاءَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَلِيَمْحَصَ اللَّهُ الْمُنْذَنِ إِمْنَاؤَ وَيَمْحَقَ

الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾

أَفَحِسِبُتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمَ اللَّهُ
الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الْأَصْدِرِينَ ﴿١٤٢﴾

143. Dan sesungguhnya kamu telah mengharap-harapkan mati syahid (dalam perang Sabil) sebelum kamu menghadapinya. Maka sesungguhnya kamu telahpun menyaksikannya dan kamu sedang melihatnya.

144. Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang telah pun didahului oleh beberapa orang rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau dia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu kembali (menjadi kafir)? Dan sesiapa yang kembali (menjadi kafir) maka dia tidak akan memudaratkan Allah sedikitpun. (Sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang yang bersyukur.

145. Dan (setiap) makhluk yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, iaitu ketetapan (ajal) yang telah ditentukan masanya (oleh Allah). Dan (dengan yang demikian) sesiapa yang inginkan balasan dunia, Kami berikannya balasan dunia itu dan sesiapa yang inginkan balasan akhirat, Kami berikannya balasan akhirat itu dan Kami akan beri ganjaran pahala kepada orang yang bersyukur.

146. Dan berapa ramai daripada para nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai

وَلَقَدْ كُنْتُمْ تَهْتَمِّنُونَ الْمَوْتَ مِنْ قَبْلِ أَنَّ
تَلْقَوْهُ فَقَدْ رَأَيْتُمُوهُ وَإِنْمَا تَنْظُرُونَ
١٤٣

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ حَلَّتْ مِنْ قَبْلِهِ
الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَا تَأْوِيلُ أَنْ قُتِلَ أَنْفَقَتْمُ عَلَى
أَعْقَلِكُمْ وَمَنْ يَنْقُلِبْ عَلَى عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ
اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ
١٤٤

وَمَا كَانَ لِفَّيْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا يَذْنَبُ
اللَّهُ كَيْتَبَ مُؤْمِنًا لَا وَمَنْ يُرِدُ ثَوَابَ الْآتِيَّةِ
نُؤْتُهُهُ مِنْهَا وَمَنْ يُرِدُ ثَوَابَ الْآخِرَةِ نُؤْتُهُهُ
مِنْهَا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ
١٤٥

وَكَانُوكُمْ مِنْ بَيْنِ قَاتِلَ مَعَهُ وَرِبِّيُّونَ كَثِيرٌ

“ribbiyyun”⁽¹⁾, maka mereka tidak merasa lemah semangat dengan apa yang telah menimpa mereka pada jalan Allah dan mereka juga tidak lemah dan tidak pula mahu tunduk (kepada musuh). Dan Allah sentiasa menyayangi orang yang sabar.

فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابُوهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا صَعُقُوا
وَمَا أَسْتَكَنُوا إِلَّا مَا يُحِبُّ الظَّاهِرِينَ ﴿١٥٧﴾

- 147.** Dan tidak ada kata-kata yang mereka ucapkan (semasa berjuang), selain daripada berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau dalam urusan kami, teguhkanlah pendirian kami dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.

وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّا أَنْ قَالُوا رَبُّنَا أَعْفَرَنَا دُنُونَا
وَإِنْسَانٌ فِي أَمْرِنَا وَثَبَّتَ أَقْدَامَنَا
وَأَنْصَرَنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿١٥٨﴾

- 148.** Maka Allah memberikan kepada mereka pahala dunia, dan pahala akhirat yang sebaik-baiknya (nikmat syurga). Dan Allah sentiasa menyayangi orang yang melakukan kebaikan.

فَاتَّسَعُهُمُ اللَّهُ ثَوَابُ الْذُّكْرِيَا وَحُسْنَ تَوَارِ
الْآخِرَةِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٥٩﴾

- 149.** Wahai orang yang beriman! Jika kamu taatkan orang yang kafir pasti mereka akan mengembalikan kamu kepada kekufuran, lalu kamu menjadi orang yang rugi.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ تُطِيعُو
الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ رُدُودَكُمْ عَنِ
أَعْقَدِكُمْ فَتَنَقَّلُوا أَخْسِرِينَ ﴿١٦٠﴾

- 150.** (Janganlah kamu taatkan mereka!) Bahkan (taatlah kepada) Allah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Penolong.

بِاللَّهِ مَوْلَى كُلِّ هُوَ خَيْرٌ
الْتَّاصِرِينَ ﴿١٦١﴾

1 Ribbiyyun bermaksud orang yang bertaqwa serta taat kepada Allah.

151. Kami akan masukkan ke dalam hati orang kafir itu perasaan gerun, disebabkan mereka mempersekuatkan Allah dengan sembah-sembahan mereka yang Allah tidak menurunkan sebarang keterangan yang membenarkannya. Dan (dengan yang demikian) tempat kembali mereka ialah neraka dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal bagi orang zalim.

152. Dan sesungguhnya Allah telah menepati janjiNya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu (berjaya) membunuh mereka dengan izinNya, sehingga ketika kamu lemah dan kamu bertelingkah dalam urusan (perang) itu, serta kamu menderhaka (perintah Rasulullah) setelah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai (kemenangan dan harta rampasan perang). Di kalangan kamu ada yang inginkan keuntungan dunia semata-mata, dan di antara kamu ada yang inginkan akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu daripada menewaskan mereka untuk menguji (keimanan dan kesabaran) kamu, dan sesungguhnya Allah telah memaafkan kamu. Dan Allah sentiasa melimpahkan kurniaaNya kepada orang yang beriman.

سَلَّقَ فِي قُلُوبِ الظَّالِمِينَ كَفَرُوا لِرَغْبَةِ
إِيمَانٍ أَشَرَّ كُوَافِدَ اللَّهِ مَا لَرَبِّنَزِيلَ بِهِ
سُلْطَانًا وَمَاؤِنَهُمُ الْتَّارِ وَبِئْسَ
مَهْوَى الظَّالِمِينَ

(١٥٢)

وَلَقَدْ صَدَقَ كُمُّ اللَّهُ وَعْدَهُ
إِذَا تَحْسُونَهُمْ بِإِذْنِهِ حَقَّ إِذَا
فَيَشَاءُ رَوَّتْنَاهُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ
مِنْ بَعْدِ مَا أَرْكَمْتُمْ مَا لَجَبُورٌ
مِنْكُمْ مَنْ يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ
مَنْ يُرِيدُ الْآخِرَةَ ثُمَّ صَرَقَ كُمُّ عَنْهُمْ
لِيَتَّلَيَّ كُمُّ وَلَقَدْ عَفَاعَنْ كُمُّ
وَاللَّهُ دُوْقَضَلٌ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ

(١٥٣)

- 153.** (Ingartlah) ketika kamu berundur lari dan tidak menoleh kepada sesiapa pun, sedangkan Rasulullah (yang masih berjuang) memanggil kamu daripada kumpulan yang tinggal di belakang kamu (untuk berjuang terus tetapi kamu tidak mematuhinya). Oleh sebab itu Allah membala kamu (dengan peristiwa) yang menyedihkan (kekalahan), dengan sebab perbuatan (kamu menderhaka) yang menyedihkan (Rasulullah) itu, supaya kamu tidak bersedih hati dengan apa yang telah hilang daripada kamu, dan tidak (pula bersedih) dengan apa yang menimpa kamu. Dan Allah Maha Mendalam PengetahuanNya terhadap apa jua yang kamu lakukan.
- 154.** Kemudian Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman tenteram setelah kesedihan itu, iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan daripada kamu, sedangkan segolongan yang lain yang hanya mementingkan diri sendiri, membuat tanggapan yang tidak benar terhadap Allah, seperti tanggapan orang jahiliyah. Mereka berkata: «Adakah kita mendapat sesuatu bahagian daripada pertolongan kemenangan yang dijanjikan itu?» Katakanlah (wahai Muhammad):

*إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلُوْنَ
عَلَّا أَحَدٌ وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ
فِي أُخْرَى كُمْ فَأَثْبَكُمْ غَمًا
يَعْمَلُ كَيْلًا تَحْزَبُوا عَلَى
مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصْبَحَتُمْ
وَاللَّهُ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٥٣﴾

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَيْرَامَةِ تَعَاشًا
يَعْشَى طَائِفَةً مِنْكُمْ وَطَائِفَةً قَدْ أَهْمَمَهُمْ
أَنْفُسُهُمْ يَطْبُونُ بِاللَّهِ غَيْرُ الْحَقِّ طَلَّ
الْجَهَنَّمَ يَقُولُونَ هَلْ لَنَا مِنْ أَمْرٍ مِنْ شَيْءٍ
قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ لِلَّهِ كُلُّهُ وَلَلَّهِ يَعْلَمُ فِي أَنفُسِهِوَمَا لَا
يُبَدِّلُونَ لَكُمْ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ لَنَا مِنْ الْأَمْرِ شَيْئٌ مَا
قُتِلْنَا هُنَّا قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي يُوتِكُمْ لَبَرَّ الَّذِينَ
كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقُتْلُ إِلَى مَضَاجِعِهِمْ وَإِنَّكُمْ
اللَّهُمَّ مَا فِي صُدُورِكُمْ وَلِمَحْصَ مَا فِي
قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١٥٤﴾

«Sesungguhnya perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya ketentuan Allah». Mereka sembunyikan dalam hati mereka apa yang mereka tidak nyatakan kepadamu. Mereka berkata (sesama sendiri): «Kalaular kita mendapat sedikit daripada pertolongan yang dijanjikan itu, tentulah (orang) kita tidak terbunuh di tempat ini?» Katakanlah (wahai Muhammad): «Kalau kamu berada di rumah kamu sekalipun pasti orang yang telah ditakdirkan (oleh Allah) akan terbunuh itu keluar ke tempat mati masing-masing». Dan (apa yang berlaku di medan perang Uhud itu) dijadikan oleh Allah untuk menguji apa yang ada dalam dada kamu, dan untuk membersihkan apa yang ada dalam hati kamu. Dan Allah Maha Mengetahui segala yang ada di dalam dada.

- 155.** Sesungguhnya orang yang telah berpaling (melarikan diri) di antara kamu pada hari bertemu dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam perang Uhud) itu, sesungguhnya mereka telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab sebahagian daripada perbuatan-perbuatan (yang salah) yang mereka telah lakukan (pada masa yang lalu). Dan sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Lemah Lembut.

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَّقْيَةِ لِجَمِيعِكُمْ
إِنَّمَا أَسْتَرَّ لَهُمُ الشَّيْطَانُ بِعَضَّ مَا كَسَبُوا
وَلَقَدْ عَفَ اللَّهُ عَنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَفْوٌ رَحِيمٌ (١٥٥)

- 156.** Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu menjadi seperti orang (munafik) yang telah kufur dan berkata kepada saudara-saudara mereka apabila mereka pergi mengembala di muka bumi untuk berniaga, atau keluar berperang (lalu mati atau terbunuh): «Kalaullah mereka tinggal bersama-sama kita, tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh». (Apa yang mereka katakan itu tidak ada faedahnya) bahkan akibatnya Allah menjadikan (perkataan dan kepercayaan) itu satu sesalan dalam hati mereka. Allah juga yang menghidupkan dan yang mematikan, dan Allah Maha Melihat segala apa yang kamu lakukan.
- 157.** Dan sesungguhnya jika kamu terbunuh pada jalan Allah (dalam perang), atau kamu mati (mati biasa - semasa melakukan kebaikan umum), sesungguhnya keampunan daripada Allah dan rahmatNya adalah lebih baik (bagi kamu) daripada apa yang mereka (orang kafir dan munafik) itu kumpulkan (segala jenis kesenangan hidup).
- 158.** Dan sesungguhnya jika kamu mati atau terbunuh, pasti kepada Allah jualah kamu akan dihimpunkan.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا
وَقَالُوا لِإِلَهِنَا هُمْ إِذَا أَصْرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَافَرُوا
عُزَّى لَوْكَافُوا عَنْ أَعْدَانَنَا مَا مَأْتُوا وَمَا قُلُّوا
لِيَجْعَلَ اللَّهُ ذَلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ
يُحِبُّ وَيُحِبُّهُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

وَلَئِنْ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمَّلَّ مَغْفِرَةً
مِنْ اللَّهِ وَرَحْمَةً خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

وَلَئِنْ مُتُّمَّلٌ وَقُتِلْتُمْ لِأَلِيَ اللَّهِ تُحْسِنُونَ

- 159.** Maka disebabkan rahmat daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari daripada sekelilingmu. Maka maafkanlah mereka dan pohonkanlah keampunan bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Maka apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah menyayangi orang yang bertawakal kepadaNya.
- 160.** Jika Allah menolong kamu mencapai kemenangan maka tidak ada sesiapa pun yang akan dapat menewaskan kamu, dan jika Dia membiarkan kamu, maka siapakah yang akan dapat menolong kamu selain Allah? Dan hendaklah orang yang beriman itu berserah diri kepada Allah.
- 161.** Dan tidak wajar bagi seseorang Nabi itu (disangkakan) berkhanat (menggelapkan harta rampasan perang), dan sesiapa yang berkhanat (menggelapkan sesuatu), dia akan bawa bersama pada hari kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu, kemudian setiap seorang akan

فِيمَا رَحْمَةً فِنَّ اللَّهُ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْلَدْتَ قَطَّا
عَلَيْظِ الْقَلْبِ لَا نَفْضُوا مِنْ حَوْلَاتِ فَاعْفُ
عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ إِذَا
عَزَّمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥﴾

إِنْ يَنْصُرْ كُمْ الله فَلَا عَالَبَ لَكُمْ
وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَلِكَ الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مَنْ
بَعْدِهِ وَعَلَى الله فَيَسْتَوْكِلُ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦﴾

وَمَا كَانَ لَنَبِيٍّ أَنْ يَغْلِلَ وَمَنْ يَغْلِلُ يَأْتِي
بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّ كُلُّ
نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٧﴾

disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedangkan mereka tidak akan dianiaya sedikitpun (pada balasannya).

- 162.** Adakah orang yang menurut keredaan Allah itu sama seperti orang yang kesudahannya mendapat kemurkaan daripada Allah? Sedangkan tempat kembalinya ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.
- 163.** Mereka itu (yang menurut keredaan Allah dan yang mendapat kemurkaanNya), mempunyai tingkatan-tingkatan (pahala atau dosa yang berlainan) di sisi Allah. Dan Allah Maha Melihat semua yang mereka lakukan.
- 164.** Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang yang beriman apabila Dia mengutuskan di kalangan mereka seorang Rasul daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah, dan menyucikan mereka (daripada kesesatan), serta mengajar mereka Kitab Allah (al-Quran) dan al-Hikmah⁽¹⁾. Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Muhammad) itu berada dalam kesesatan yang nyata.

أَفَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَ اللَّهِ كَمْنَ بَاءَ سَخَطَ
مَنْ أَلَّهُ وَمَا وَيْلُهُ جَهَنَّمُ بِئْسَ الْمَصِيرُ

١٦٣

هُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا
يَعْمَلُونَ

١٦٤

لَقَدْ مَنَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ
رَسُولًا مَّنْ أَنْفُسِهِمْ يَتَّلَوَّ عَلَيْهِمْ إِيمَانِهِمْ
وَيُرْزِكَهُمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ
وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَنِي ضَلَّلَ مِنْ

١٦٥

1 Pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat.

165. Apabila kamu ditimpa musibah (dalam peperangan Uhud), yang kamu telahpun menangi seperti itu sebanyak dua kali ganda (dalam peperangan Badar), kamu berkata: «Dari mana datangnya (musibah) ini? »Katakanlah (wahai Muhammad): «Ia datang daripada kesalahan kamu sendiri (melanggar perintah Rasulullah)». Sesungguhnya Allah Maha Berkuala atas setiap sesuatu.

166. Dan apa yang telah menimpa kamu pada hari bertemu dua kumpulan (angkatan tentera di medan perang Uhud) itu, maka ia adalah dengan izin Allah dan Allah hendak menzahirkan dengan nyata akan orang yang beriman.

167. Dan Dia juga hendak melahirkan dengan nyata orang yang munafik dan akan dikatakan kepada mereka: «Marilah berperang pada jalan Allah, atau pertahankanlah (diri, keluarga dan harta benda kamu)». Mereka menjawab: «Kalaulah kami tahu adanya peperangan, tentulah kami mengikut kamu (turut berperang)». Mereka ketika itu lebih dekat kepada kufur daripada iman. Mereka selalu menyebut dengan mulut mereka apa yang tidak ada dalam hati mereka. Dan Allah lebih mengetahui apa yang mereka sembunyikan.

أَوْلَمَا أَصَبْتُكُمْ مُّصِيبَةً فَدَأْصَبْتُمْ
مَّا تَلَيْهَا فَأَلْتَمُمْ أَنَّ هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ
أَنفُسِكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦٥﴾

وَمَا أَصَبَّكُمْ يَوْمَ الْتَّقْرِيبَةِ الْجَمِيعَانِ فِي إِذْنِ اللَّهِ
وَلِيَعْلَمَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٦﴾

وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ نَادَفُوا وَقِيلَ لَهُمْ نَعَالَوْ أَقْتَلُوا
فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ أَدْعَوْا قَالُوا لَوْ نَعْلَمُ قَاتَالًا
لَا تَعْنَتْكُمْ هُنَّ لِلْكُفَّارِ بِيَوْمِئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ
لِلَّاهِ يَعْلَمُ مَا يَصْنَعُونَ ﴿٦٧﴾

- 168.** Merekalah juga yang mengatakan tentang hal saudara-saudara mereka (yang telah terbunuh di medan Uhud), sedangkan mereka sendiri tidak ikut berperang: «Kalaualah mereka taatkan kami (turut menarik diri) tentulah mereka tidak terbunuh». Katakanlah (wahai Muhammad): «Jika demikian, hindarkanlah kematian daripada diri kamu, jika betul kamu orang yang benar».
- 169.** Dan jangan sama sekali engkau menyangka orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka hidup (dengan bahagia) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.
- 170.** Mereka bergembira dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka dan mereka bergembira terhadap orang yang masih tinggal di belakang dan yang belum menyusul mereka (belum mati syahid), bahawa tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak bersedih.
- 171.** Mereka bergembira dengan balasan nikmat daripada Allah dan kurniaanNya dan bahawa Allah tidak mensia-siakan pahala orang yang beriman.

الَّذِينَ قَاتَلُوا لِحُكْمِنَّهِمْ وَقَدْرًا لَوْأَطَاعُونَا
مَا قُلْلَوْا فَلَمْ يَأْتُهُمْ وَأَعْنَّ نَفْسِكُمْ أَمْوَاتٌ
إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٧٨﴾

وَلَا تَحْسِبَنَّ الَّذِينَ قُيُلُوا فِي سَيِّلِ اللَّهِ أَمْرَأً
بَلْ أَحْيَاهُمْ إِنَّدَرِبَهُمْ بِرَزْقُونَ ﴿١٧٩﴾

فَرِجَّلِينَ بِمَا تَهْمُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ
وَيَسْتَبِشُرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَكُنْ حَقُولُهُمْ
مَنْ خَفِيفُهُمُ الْأَخْوَفُ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَخْرُونَ ﴿١٨٠﴾

*يَسْتَبِشُرُونَ بِنِعْمَةِ مِنْ اللَّهِ وَفَضْلِ
وَأَنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٨١﴾

172. Iaitu orang yang menyahut perintah Allah dan RasulNya selepas mereka tercedera (di medan perang Uhud). Bagi orang yang melakukan kebaikan di antara mereka dan yang bertaqwa, ada ganjaran yang sangat hebat.

الَّذِينَ أَسْتَجَابُوا لِلَّهِ وَالرَّسُولِ مِنْ بَعْدِ
مَا أَصَابَهُمُ الْقُرْحُ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا مِنْهُمْ
وَأَنَّقُوا أَجْرًا عَظِيمًا

173. (Iaitu) mereka yang apabila ada orang yang mengatakan kepada mereka: «Bahawa kaum musyrik telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, maka hendaklah kamu gerun kepadanya». Maka berita itu makin menambahkan keimanan mereka lalu berkata: «Cukuplah Allah bagi kami dan Dia adalah sebaik-baik Pelindung.

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ الْأَنَسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا
لَكُمْ فَأَخْشَاهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا
حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعَمُ الْوَكِيلُ

174. Setelah (pergi mengejar musuh), mereka kembali dengan mendapat nikmat dan kurniaan daripada Allah, mereka tidak ditimpa oleh sesuatu bencana pun dan mereka menurut keredaan Allah. Dan Allah mempunyai kurniaan yang sangat hebat.

فَإِنَّقُوا بِنَعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَفَضْلِنِّي
يَمْسَسُهُمْ سُوءٌ وَمَنْ يَتَّبِعُ رِضْوَانَ اللَّهِ
وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيمٍ

175. Sesungguhnya (pembawa berita) yang demikian itu ialah syaitan yang bertujuan menakut-nakutkan (kamu terhadap) pengikut-pengikutnya. Maka janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepadaKu, jika kamu memang orang yang beriman.

إِنَّمَا ذَلِكُلشَيْطَانُ يُنَوِّعُ أَوْلَاءَهُ
فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونَ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

176. Dan janganlah orang yang bersegera kepada kekufuran

وَلَا يَحْزُنْكَ الَّذِينَ يُسَكِّرُونَ فِي الْكُفَّارِ إِنَّهُمْ

itu mendukacitakanmu (wahai Muhammad) kerana sesungguhnya mereka tidak sama sekali akan dapat memudaratkan Allah sedikitpun. Allah menetapkan untuk tidak akan memberikan mereka sesuatu bahagian(syurga) pada hari akhirat kelak dan mereka mendapat azab yang sangat dahsyat.

- 177.** Sesungguhnya orang yang membeli (memilih) kekufturan dengan meninggalkan keimanan, mereka tidak sama sekali akan memudaratkan Allah sedikitpun dan bagi mereka azab yang pedih.

- 178.** Jangan sama sekali orang kafir menyangka bahawa Kami membiarkan (mereka hidup lama) itu baik bagi diri mereka. Sesungguhnya Kami biarkan mereka hanyalah supaya mereka bertambah dosa (di dunia) dan mereka pula mendapat azab yang menghinakan (di akhirat kelak).

- 179.** Allah tidak sama sekali akan membiarkan orang yang beriman dalam keadaan kamu sekarang (bercampur aduk antara mukmin dan munafik) sehingga Dia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang baik (mukmin). Dan Allah tidak sama sekali akan memperlihatkan kepada kamu perkara-perkara ghaib akan tetapi Allah memilih daripada RasulNya sesiapa

لَنْ يَضُرُّوا لِهِ شَيْئاً بِرِبِّ الْأَرْضِ جَعَلَ لَهُمْ
حَظًّا فِي الْآخِرَةِ وَأَهْمَّ عَذَابُ عَظِيمٍ

إِنَّ الَّذِينَ أَسْتَرُوا الْكُفُرَ بِالْإِيمَانِ لَنْ يَضُرُّوا
أَهْمَّ عَذَابُ الْيَمِّ

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّهُمْ أَنْجَلُوا لَهُمْ
خَيْرٌ لِأَفْسِهِمْ إِنَّمَا نُنَاهِي لَهُمْ لِيَنْدَدُوا إِلَيْهَا
وَلَهُمْ عَذَابٌ مُهِينٌ

مَّا كَانَ اللَّهُ لِيَذَرَ الْمُؤْمِنِينَ عَلَىٰ مَا آتَنَا
عَلَيْهِ حَتَّىٰ يَبْيَضَ الْتَّحِيدُ مِنَ الْطَّيِّبِ وَمَا كَانَ
اللَّهُ لِيُطْعِنَ كُوْمَعَ عَلَى الْغَيْبِ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مِنْ
رُسُلِهِ مَنْ يَشَاءُ فَمَنْ أَنْوَبَ اللَّهُ وَرَسُلُهُ وَإِنَّ
تُؤْمِنُوا وَتَقُولُونَ كُلُّ أَجْرٍ عَظِيمٌ

yang dikehendakiNya. Maka berimanlah kepada Allah dan para RasulNya. Jika kamu beriman dan bertaqwa, maka kamu akan mendapat ganjaran yang besar.

- 180.** Dan jangan sama sekali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kemurahanNya - menyangka bahawa kebakhilannya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Allah memiliki segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan Allah Maha Mendalam PengetahuanNya terhadap segala perkara yang kamu lakukan.
- 181.** Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang (Yahudi) yang mengatakan: «Bahawasanya Allah miskin dan kami kaya». Kami (Allah) akan menuliskan perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh para nabi dengan tanpa alasan yang benar dan Kami akan katakan kepada mereka: «Rasakanlah kamu azab yang sentiasa membakar».
- 182.** (Azab) yang demikian itu ialah disebabkan perbuatan yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri. Dan sesungguhnya Allah tidak sama sekali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya».

وَلَا يَحْسِنَ الَّذِينَ يَجْحُلُونَ بِمَا أَتَاهُمُ اللَّهُ
مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرُ الْهُمَّ بِلْ هُوَ شَرُّهُ
سَيِّطُوْفُونَ مَا بَخَلُواْ بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَلَّهُ
مِرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
وَلَلَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَيْثُ ۝

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الْيَتَمَّ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ
فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكُبُ مَا قَالُوا
وَقَاتَلُهُمُ الْأَيُّوبُ آتَاهُ رَحْمَةً وَرَأَقُولُ
دُوْفُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ۝

ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتُ أَيْدِيهِ كُمْ وَأَنَّ اللَّهَ
لَيْسَ بِظَلَامٍ لِعَبْدِهِ ۝

183. (Iaitu) orang Yahudi yang mengatakan: «Sesungguhnya Allah telah perintahkan kami, supaya kami tidak beriman kepada seseorang Rasul sehingga dia membawakan kami korban yang dimakan api. Katakanlah (wahai Muhammad): «Sesungguhnya telah datang kepada kamu beberapa rasul sebelumku dengan membawa bukti-bukti (mukjizat) yang nyata dan dengan (korban) yang kamu telah katakan (itu). Maka kenapa kamu membunuh mereka, jika kamu orang yang benar?»

184. Maka jika mereka mendustakanmu (maka janganlah engkau berduka cita), kerana sesungguhnya para rasul sebelummu juga telah didustakan. Mereka telah membawa bukti-bukti (mukjizat) yang nyata, Zubur⁽¹⁾ serta kitab⁽²⁾ yang memberi penjelasan dengan terang.

185. Setiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahwasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauahkan daripada neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya

الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ عَاهَدَ إِلَيْنَا أَلَّا
تُؤْمِنَ لِرَسُولِنَا حَتَّىٰ يَأْتِيَنَا يُقْرِبَانِ
تَأْكُلُهُ الْأَنْارُ قُلْ قَدْ جَاءَكُمْ رُسُلٌ مِّنْ
قَبْلِي بِالْبَيِّنَاتِ وَبِالَّذِي فُلِمْتُمْ فَلَمَّا
قَتَلْتُمُوهُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

١٨٣

فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ رُسُلٌ مِّنْ
قَبْلِكَ جَاءُوكُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَأَزْوَجُ
وَالْكِتَابِ الْمُنَبِّرِ

١٨٤

كُلُّ نَفْسٍ ذَاقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوقَنُ بِ
أَجْوَرِكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ رُحْنَحَ
عَنِ النَّارِ وَأَدْخَلَهُ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ
وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتْعٌ الْغُرُورُ

١٨٥

- 1 Lembaran-lembaran yang berisi wahyu serta hikmah-hikmah yang diberikan kepada nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w.
- 2 Kitab-kitab yang diturunkan kepada nabi-nabi yang mengandungi hukum syariat seperti Taurat, Zabur dan Injil.

dia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan.

186. Dan sesungguhnya kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan sesungguhnya kamu akan mendengar daripada orang yang telah diberikan al-Kitab sebelum kamu dan orang yang syirik banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertaqwa, maka sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang berat untuk dilakukan.

187. Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada orang yang telah diberikan al-Kitab supaya kamu menerangkan isi Kitab itu kepada umat manusia dan jangan sama sekali kamu menyembunyikannya. Lalu mereka membuang (perjanjian setia) itu ke belakang mereka, serta mereka menukarinya dengan mengambil faedah dunia yang sedikit. Maka amatlah buruk apa yang mereka dapat dari daripada penukaran (Kalamullah dan janjiNya) itu.

188. Jangan sama sekali engkau menyangka (wahai Muhammad,

*لَتُبَأْوَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَقْسِكُمْ
وَلَا تَشْعُرُ مِنَ الظَّرِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الظَّرِينَ
أَشْرَكُوا إِلَهَيْكُمْ بِإِنْ هُنَّ
فِي الْحُكْمِ وَأَنْ تَخْبِرُوا وَأَتَتَّقُوا
فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَرْمَةِ الْأُمُورِ

وَإِذَا أَخْدَى اللَّهُ مِيقَاتَ الظَّرِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ
لَتُبَيِّنَهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكُونُوهُ فَنَبَذُوهُ
وَرَاءَ طُهُورِهِ وَأَشْتَرَقُوا بِهِ تَنَاهَى قَلِيلًا
فَيُسَّسَ مَا يَشَرُّونَ

لَا تَحْسَبَنَّ الظَّرِينَ يَقْرُونَ بِمَا آتَوْا وَيَجْبُونَ أَنْ

bahawa) orang yang bergembira dengan apa yang mereka telah lakukan dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan, jangan sama sekali engkau menyangka mereka akan terselamat daripada seksa, mereka akan mendapat azab yang pedih.

يُخْمَدُ وَأَبْيَمَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ فَلَا تَحْسَبَهُمْ
بِمُقَارَنَةِ قِنَاعِ الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

189. Dan Allah jualah yang memiliki kuasa pemerintahan langit dan bumi dan Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.

وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

190. Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang yang berakal.

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ
الْأَيَّلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِلْأُفْلِي أَلَا لَبِ

191. (Iaitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk serta semasa mereka berbaring mengiring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): «Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka.

الَّذِينَ يَذَّكُرُونَ اللَّهَ قَيْمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ
جُنُوبِهِمْ وَيَنْفَكِرُونَ فِي حَلْقِ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبِّنَا مَا خَلَقَتْ هَذَا
بَطْلًا سُبْحَنَكَ فَقَنَاعَذَابَ النَّارِ

192. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya sesiapa yang Engkau masukkan ke dalam neraka maka Engkau telah menghinakannya dan orang yang zalim tidak akan mendapatkan seorang penolong pun.

رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلُ النَّارَ فَقَدْ أَخْزَيْتَهُ
وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

3. Surah Keluarga ‘Imran

193. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah mendengar seorang penyeru (rasul) yang menyeru kepada iman, katanya: “Berimanlah kamu kepada Tuhan kamu”, maka kami pun beriman. Wahai Tuhan kami, ampunkanlah dosa-dosa kami dan hapuskanlah daripada kami kesalahan-kesalahan kami dan matikanlah kami bersama orang yang berbakti.

194. Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami pahala yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui para rasulMu dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak memungkiri janji.

195. Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka (dengan firmanNya): «Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amalan orang yang beramal di kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) sebahagian kamu (adalah keturunan) daripada sebahagian yang lain. Maka orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya), yang diusir keluar dari tempat tinggal mereka juga yang disakiti (dengan pelbagai gangguan) kerana menjalankan agamaKu, dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam) serta yang terbunuh (gugur

رَبَّنَا إِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًّا يَأْتِنَا دِلْلَاءِ الْإِيمَانِ
أَنْ هَمُّنُوا بِرَبِّهِ فَأَمَّا رَبُّنَا فَعَفَّ عَنَّا
ذُنُوبَنَا وَكَفَرَ عَنَّا سَيِّئَاتَنَا وَتَوَفَّنَا
مَعَ الْأَنْبَارِ

رَبَّنَا وَعَاهَدْنَا عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا
يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ

فَأَسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنَّ لَا يُضِيعُ عَمَلَ
عَمِيلِ مِنْكُمْ مَنْ ذَكَرَ لَوْا نِشْرَاعَمُ مِنْ
بَعْضِ قَالَذِينَ هَاجَرُوا وَلَحِجَّوْا مِنْ دِيرَهُمْ
وَأَوْدُوا فِي سَيِّلٍ وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لِأَكْفَارَ
عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا دُخْلَنَّهُمْ جَنَّتِ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ تَوَابُّا مِنْ عَنْدِ اللَّهِ
وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْتَّوَابِ

syahid dalam perang Sabil)
 - sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya».

- 196.** Jangan sama sekali engkau (wahai Muhammad) terpedaya oleh usaha orang kafir di dalam negeri (yang membawa keuntungan kepada mereka).
- 197.** (Semuanya) itu hanyalah kesenangan yang sedikit, kemudian tempat kembali mereka ialah neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat tinggal.
- 198.** Akan tetapi orang yang bertaqwa kepada Tuhan mereka, mereka mendapat syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya, sebagai tempat menyambut tetamu daripada Allah. Dan apa jua yang ada di sisi Allah adalah lebih baik bagi orang yang berbakti.
- 199.** Dan sesungguhnya di kalangan Ahli Kitab, ada yang beriman kepada Allah dan (kepada) apa yang diturunkan kepada kamu (al-Quran) dan juga (kepada) apa yang diturunkan kepada mereka,

لَا يَغُرِّنَكَ تَقْلُبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْأَرْضِ ﴿١٩٦﴾

مَتَعْ قَلِيلٌ شُمَّا وَنَهُمْ جَهَنَّمُ وَبِسَّ
الْمِهَادُ ﴿١٩٧﴾

لَكِنَّ الَّذِينَ أَنْقَوْرَبُهُمْ لَهُمْ جَنَّتٌ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَلِدِينَ فِيهَا نُزُلٌ
مَّنْ عِنْدَ اللَّهِ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْأَبْرَارِ ﴿١٩٨﴾

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ
وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِمْ

sedang mereka khusyuk kepada Allah dengan tidak menukarkan ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu mendapat pahala mereka di sisi Tuhan mereka. Sesungguhnya Allah sangat cepat perhitunganNya.

- 200.** Wahai orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam melakukan perkara-perkara kebaikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu (lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kepada Allah agar kamu berjaya.

خَيْشِعِينَ لِلَّهِ لَا يَسْتَرُونَ^{١٩٤} إِنَّمَا قَاتَلُوكُمْ أَنَّكُمْ أَجْرَوْهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَصْبِرُوا وَاصْلِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

